



# Untung MSM Holdings naik 31.7 peratus

**MSM** Malaysia Holdings Bhd (MSM Holdings) mencatat peningkatan 31.7 peratus keuntungan sebelum cukai kepada RM206.05 juta pada separuh pertama berakhir 30 Jun 2013 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Keuntungan bersih unit perniagaan gula FELDA Global Ventures (FGV) itu setakat 30 Jun 2013 juga meningkat sebanyak 29.6 peratus kepada RM154.54 juta berbanding RM119.2 juta yang diraih pada tempoh sama tahun lalu.

## **Pendapatan lebih tinggi**

Keuntungan itu dicapai di sebalik pendapatan lebih tinggi berjumlah RM1.12 bilion yang diraihnya dalam tempoh enam bulan tahun ini, berbanding RM1.08 bilion yang direkodkan sepanjang tempoh sama tahun sebelumnya.

Bagi enam bulan berakhir 30 Jun 2013, pendapatan asas sesaham dan aset bersih sesaham yang boleh diagihkan kepada pemegang saham syarikat masing-masing meningkat kepada 21.98 sen dan RM2.60.